



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 630

AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2003

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR
ANTARABANGSA LANGKAWI 2003**

Tarikh Perkenan Diraja 29 Julai 2003

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 7 Ogos 2003

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2004

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 630

AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2003

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelantikan, pemberikuasaan dan perwakilan oleh Ketua Pengarah

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, PENTADBIRAN DAN PENGENDALIAN PEJABAT PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI

4. Penubuhan Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi
5. Pentadbiran dan pengendalian Pejabat Pendaftaran

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR DAN ENTITI KAPAL LAYAR

PENGGAL 1

DAFTAR

6. Daftar
7. Pembetulan Daftar

PENGGAL 2

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR

8. Pendaftaran

Seksyen

9. Permohonan untuk pendaftaran
- 9A. Pendaftaran sementara semasa pemindahan hakmilik pemunyaan kapal layar atau bahagian
10. Perakuan pendaftaran
11. Taraf perakuan pendaftaran
12. Pendaftaran semula apabila pemunyaan berubah
- 12A. Pendaftaran perubahan
13. Perakuan pendaftaran baru
14. Perakuan pendaftaran pendua
15. Larangan pendaftaran
16. Keengganan untuk mendaftarkan kapal layar
17. Penamatan pendaftaran kapal layar

PENGAL 3

KEHENDAK AWAL BAGI PENDAFTARAN
KAPAL LAYAR

18. Pemeriksaan dan penyukatan tanan kapal layar
19. Nama kapal layar
20. Pengukiran dan penandaan kapal layar

PENGAL 4

PENDAFTARAN ENTITI KAPAL LAYAR

21. Permohonan untuk pendaftaran
22. Perakuan pendaftaran
23. Keengganan untuk mendaftarkan entiti kapal layar
24. Penamatan pendaftaran entiti kapal layar

PENGAL 5

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR YANG DICARTER SEBAGAI
KAPAL KOSONG

25. Pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong
26. Keengganan untuk mendaftarkan kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong
27. Penamatan pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong
28. Pindah hakmilik, perpindahan dan gadai janji tidak terpakai
29. Kebenaran untuk mendaftarkan kapal layar di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain

PENGGAL 6

KEPENTINGAN KETUANPUNYAAN MENGENAI KAPAL LAYAR

Bab 1

Am

Seksyen

30. Hak pemunya dan pemegang gadai janji

Bab 2

Pindah Hakmilik dan Perpindahan

31. Pindah hakmilik kapal layar atau bahagian
32. Perpindahan kapal layar atau bahagian
33. Pindah hakmilik menurut penjualan oleh Mahkamah
- 33A. Kuasa mahkamah

Bab 3

Gadai Janji

34. Gadai janji kapal layar atau bahagian
35. Keutamaan gadai janji yang didaftarkan
36. Kuasa menjual pemegang gadai janji yang didaftarkan
- 36A. Gadai janji tidak terjejas oleh kebangkrapan
37. Pindah hakmilik gadai janji yang didaftarkan
38. Perlindungan bagi penggadai janji yang didaftarkan
39. Perpindahan gadai janji melalui kuat kuasa undang-undang
40. Pelepasan gadai janji yang didaftarkan

PENGGAL 7

KENEGARAAN KAPAL LAYAR

41. Kenegaraan dan panji-panji bagi kapal layar Langkawi
42. Kapal layar Langkawi membawa panji-panji yang tidak sepatutnya

BAHAGIAN IV

ANAK KAPAL BAGI KAPAL LAYAR

PENGAL 1

LATIHAN, PENSIJILAN DAN KELAYAKAN NAKHODA DAN
ANAK KAPAL DAN KEANGGOTAAN KAPAL LAYAR

Seksyen

43. Tafsiran
44. Latihan, pensijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal
45. Keanggotaan jika kapal layar melakukan pelayaran atau selainnya tidak dalam pelayaran
46. Orang yang mempunyai sijil hendaklah diambil kerja sebagai nakhoda dan anak kapal pengawasan

PENGAL 2

SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN,
PENGAMBILAN KERJA DAN PELEPASAN

- 46A. Pemakaian Akta ini bagi pengambilan kerja nakhoda atau anak kapal
47. Perjanjian anak kapal
48. Obligasi pemunya berkenaan dengan kelayakan belayar kapal layar
49. Pelepasan anak kapal
- 49A. Pembayaran upah anak kapal
- 49B. Akaun upah
50. Perlindungan hak dan remedi tertentu
51. Remedi nakhoda untuk saraan, pembayaran dan tanggungan
- 51A. Sekatan penyerahhakan dan gadaian ke atas upah

PENGAL 3

DOKUMEN DAN PENYATA

52. Buku log rasmi
53. Dokumen pengenalan anak kapal
54. Buku pelepasan
55. Senarai anak kapal
56. Penyerahan dokumen apabila nakhoda bertukar

PENGGAL 4

BANTUAN DAN PENGHANTARAN BALIK

57. Bantuan dan perkembalian anak kapal yang ditinggalkan atau terlibat dalam kekaraman kapal

BAHAGIAN V

PEMINDAHAN FUNGSI

Seksyen

58. Kuasa untuk memberikan lesen untuk membuat peruntukan bagi pemindahan fungsi

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN

59. Kuasa untuk menyiasat

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

60. Peraturan-peraturan
60A. Perubahan fi
60B. Pengubahsuaian borang
61. Kehendak bagi perlindungan insurans
61A. Pemfailan elektronik dokumen
61B. Perbelanjaan untuk penghantaran dokumen
62. Pelanggaran

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 630

AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2003

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu pejabat pendaftaran antarabangsa di Langkawi untuk kapal layar dan entiti kapal layar, termasuk pentadbiran dan pengendaliannya, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[2 Oktober 2003, P.U. (B) 301/2003]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak kapal” termasuk semua orang, selain nakhoda dan malim, yang diambil kerja atau terlibat atas apa-apa sifat di atas sesuatu kapal layar;

“Daftar Entiti Kapal Layar” ertinya Daftar Entiti Kapal Layar Antarabangsa Langkawi yang disenggarakan di bawah seksyen 6;

“Daftar Kapal Layar” ertinya Daftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi yang disenggarakan di bawah seksyen 6;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan;

“entiti kapal layar” ertinya sesuatu syarikat, perkongsian, perkongsian terhad, pertubuhan, persatuan atau badan orang yang lain yang mempunyai kepentingan yang berhubungan dengan kapal layar, tidak kira tempat pemerbadanan atau penubuhannya, dan sama ada atau tidak surat cara pewujudannya dan kewujudannya, secara nyata atau melalui kuat kuasa undang-undang, memberikan atau mengakui keupayaannya di bawah undang-undang untuk membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri atau atas nama fidusiari atau wakil undang-undangnya yang sah;

“juruukur” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 3(3);

“kapal layar” ertinya sesuatu kapal layar yang digunakan untuk sukan, keseronokan atau rekreasi, dan termasuk kapal layar perdagangan dan kapal layar persendirian;

“kapal layar Langkawi” ertinya kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini;

“kapal layar perdagangan” ertinya kapal layar yang digunakan bagi kegunaan perdagangan;

“kapal layar persendirian” ertinya kapal layar yang digunakan bagi kegunaan persendirian semata-mata bagi sukan, keseronokan atau rekreasi pemunya kapal layar itu, dan bagi maksud takrif ini “pemunya” termasuk—

- (a) jika pemunya seorang orang perseorangan, anggota keluarga dan kawan-kawannya yang terdekat;
- (b) jika pemunya ialah mana-mana entiti yang lain, pegawai entiti itu, pemegang saham atau pemunya benefisial lain entiti itu, benefisiari atau anggota entiti itu, dan anggota keluarga dan kawan-kawan terdekat mereka; atau
- (c) pemajak atau pencarter;

“kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong” ertinya kapal layar yang didaftarkan di bawah seksyen 25;

“kegunaan perdagangan” ertinya penggunaan sesuatu kapal layar untuk mengangkut penumpang untuk mendapat upah, tetapi tidak termasuk carter kapal kosong untuk kegunaan persendirian, dan

penerimaan oleh pemunya kapal layar itu suatu sumbangan terhadap kos sebenar kapal layar itu atau pengendalian kapal layar itu yang dikadarkan bagi tempoh pelayaran itu;

“kegunaan persendirian” ertinya penggunaan sesuatu kapal layar untuk suatu pelayaran persendirian, jika semasa pelayaran sedemikian kapal layar itu tidak digunakan bagi kegunaan perdagangan atau selainnya ditawarkan kepada orang awam untuk kegunaan orang awam itu;

“Ketua Pengarah” ertinya Pengarah Laut yang dilantik di bawah subseksyen 8(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*];

“Mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa di Malaysia atau berhubung dengan prosiding berkenaan, mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang dengannya prosiding itu berkaitan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perkapalan saudagar;

“nakhoda” ertinya tiap-tiap orang, selain malim, yang memegang kuasa atau bertanggungjawab bagi sesuatu kapal layar, dan termasuk seseorang juragan bagi sesuatu kapal layar;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

“Pejabat Pendaftaran” ertinya Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi;

“pejabat pendaftaran utama” ertinya pejabat pendaftaran tempat kapal layar itu didaftarkan pada masa permohonan dibuat untuk mendaftarkan kapal layar itu sebagai kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong di bawah Akta ini, dan “pendaftaran utama” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“pelayaran” termasuklah persiaran;

“pemunya”, berhubung dengan sesuatu kapal layar, ertinya pemunya berdaftar, dan termasuk pencarter kapal kosong, pemunya pengurus dan ejen pengurus;

“perakuan pendaftaran” ertinya perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada sesuatu kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini, dan termasuk perakuan pendaftaran sementara dan perakuan pendaftaran carter kapal kosong;

“perakuan pendaftaran carter kapal kosong” ertinya perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada sesuatu kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong yang didaftarkan di bawah seksyen 25;

“perakuan tanan” ertinya perakuan tanan yang dikeluarkan di bawah seksyen 18;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“transkrip penutupan” ertinya suatu cabutan yang diperakui daripada Daftar Kapal Layar yang menunjukkan bahawa catatan dalam Daftar itu berkenaan dengan sesuatu kapal layar Langkawi telah ditutup, tarikh penutupan catatan itu, dan butir-butir mengenai kapal layar itu dan pemunyaan kapal layar itu pada masa penutupan itu.

Pelantikan, pemberikuasaan dan perwakilan oleh Ketua Pengarah

3. (1) Ketua Pengarah boleh melantik pegawai awam sebagai pegawai diberi kuasa, sama ada secara am atau khusus, bagi maksud melaksanakan Akta ini atau apa-apa perintah, peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, dan tiap-tiap pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis.

(2) Ketua Pengarah boleh mewakilkan penjalanan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini, kecuali kuasa pewakilannya, kepada seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Ketua Pengarah boleh memberi kuasa mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa pengukuran, penyukatan dan pemeriksaan kapal layar di bawah Akta ini.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, PENTADBIRAN DAN PENGENDALIAN PEJABAT PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI

Penubuhan Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi

4. (1) Suatu pejabat pendaftaran antarabangsa untuk kapal layar dan entiti kapal layar dengan nama “Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi” ditubuhkan di Langkawi.

(2) Pelabuhan pendaftaran untuk kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini ialah Langkawi.

Pentadbiran dan pengendalian Pejabat Pendaftaran

5. Pejabat Pendaftaran hendaklah ditadbirkan dan dikendalikan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR DAN ENTITI KAPAL LAYAR

PENGGAL 1

DAFTAR

Daftar

6. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi dan suatu Daftar Entiti Kapal Layar Antarabangsa Langkawi.

(2) Daftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi hendaklah dibahagikan kepada—

- (a) Bahagian Satu bagi pendaftaran kapal layar, tidak kira panjangnya, yang tidak dicarter sebagai kapal kosong;
- (b) Bahagian Dua bagi pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong; dan
- (c) Bahagian Tiga bagi pendaftaran kapal layar yang sedang dibina.

(3) Daftar Kapal Layar hendaklah mengandungi butir-butir mengenai kapal layar Langkawi dan pemunya kapal layar itu, dan kepentingan masing-masing mengenai kapal layar itu, pencarter kapal kosong, gadai janji dan kepentingan pemegang gadai janji, dan apa-apa perkara lain yang ditetapkan.

(4) Daftar Entiti Kapal Layar Antarabangsa Langkawi hendaklah mengandungi butir-butir yang ditetapkan berkaitan dengan entiti kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(5) Tiada kapal layar boleh didaftarkan di bawah lebih daripada satu Bahagian dalam Daftar Kapal Layar pada masa yang sama, tetapi pendaftaran boleh dipindahkan dari satu Bahagian ke suatu Bahagian yang lain dalam Daftar itu sebagaimana yang sesuai mengikut hal keadaan yang berkenaan.

(6) Daftar Kapal Layar dan Daftar Entiti Kapal Layar boleh terdiri daripada rekod yang dibuat dengan tangan dan secara elektronik, kedua-duanya, atau apa-apa rekod yang lain sebagaimana yang difikirkan perlu dan suai manfaat oleh Ketua Pengarah.

(7) Mana-mana orang boleh, apabila permohonan dibuat kepada Ketua Pengarah dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, mendapatkan suatu cabutan yang diperakui mengenai catatan dalam Daftar Kapal Layar atau Daftar Entiti Kapal Layar.

Pembetulan Daftar

7. Ketua Pengarah berhak untuk membetulkan Daftar Kapal Layar atau Daftar Entiti Kapal Layar jika—

- (a) silap tulis telah berlaku; atau
- (b) keterangan yang mencukupi telah dikemukakan untuk memuaskan hatinya bahawa catatan itu tidak betul,

dan apabila membuat pembetulan itu dia hendaklah, jika perlu, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baru berkenaan dengan kapal layar itu, atau suatu perakuan pendaftaran yang baru berkenaan dengan entiti kapal layar itu.

PENGGAL 2

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR

Pendaftaran

8. (1) Sesuatu kapal layar berhak untuk didaftarkan di bawah Akta ini jika kapal layar itu dipunyai oleh—

- (a) warganegara Malaysia atau orang perseorangan yang bukan rakyat Malaysia; atau
- (b) entiti kapal layar yang telah didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini tidak boleh didaftarkan dalam mana-mana bidang kuasa yang lain, kecuali menurut kebenaran yang diberikan di bawah seksyen 29.

Permohonan untuk pendaftaran

9. (1) Permohonan untuk pendaftaran sesuatu kapal layar hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan kapal layar itu dan hendaklah mencatatkan dalam Daftar Kapal Layar butir-butir yang ditetapkan.

Pendaftaran sementara semasa pemindahan hakmilik pemunyaan kapal layar atau bahagian

9A. (1) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran sementara sesuatu kapal layar semasa pemindahan hakmilik pemunyaan kapal layar itu atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu boleh, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Apabila sesuatu kapal layar didaftarkan sementara, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan berkenaan dengan kapal layar

itu suatu perakuan pendaftaran sementara dalam borang yang ditetapkan.

(3) Bagi mengelakkan keraguan—

- (a) sesuatu kapal layar yang didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu kapal layar Langkawi; dan
- (b) apa-apa rujukan tentang “pemunya” dalam Akta ini hendaklah, sepanjang tempoh pendaftaran sementara kapal layar itu, disifatkan sebagai suatu rujukan tentang orang yang kepadanya pemunyaan kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu sedang dipindahkan hakmiliknya.

Perakuan pendaftaran

10. (1) Apabila sesuatu kapal layar didaftarkan, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan.

(2) Nakhoda atau pemunya sesuatu kapal layar tidak boleh menggunakan, atau membenarkan penggunaan, bagi maksud pelayaran kapal layar itu, suatu perakuan pendaftaran yang tidak dikeluarkan dengan sah di bawah Akta ini dan yang tidak berkuat kuasa berkenaan dengan kapal layar itu.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1249*)

Taraf perakuan pendaftaran

11. Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah digunakan hanya bagi pengendalian yang sah kapal layar Langkawi itu, dan tidak boleh ditahan untuk menjamin apa-apa hak atau tuntutan sivil.

Pendaftaran semula apabila pemunyaan berubah

12. (1) Jika berlaku perubahan dalam pemunyaan sesuatu kapal layar Langkawi, pemunya kapal layar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas perubahan itu berlaku, memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai perubahan itu, dan Ketua Pengarah boleh, atas permintaan pemunya baru, mendaftarkan kapal layar itu semula.

(2) Jika sesuatu kapal layar Langkawi hendak didaftarkan semula, Ketua Pengarah hendaklah menjalankan tatacara yang sama seperti dalam hal pendaftaran pertama bagi sesuatu kapal layar, dan apabila diserahkan kembali perakuan pendaftaran yang sedia ada bagi kapal layar itu dan apabila dipatuhi semua syarat yang ditetapkan yang lain untuk pendaftaran, kapal layar itu hendaklah didaftarkan semula dan suatu perakuan pendaftaran yang baru hendaklah dikeluarkan.

(3) Jika sesuatu kapal layar Langkawi didaftarkan semula—

- (a) pendaftaran sebelumnya hendaklah ditutup, kecuali berkaitan dengan mana-mana gadai janji yang belum ditunaikan yang dicatatkan berkenaan dengan pendaftaran sedemikian; dan
- (b) nama semua orang yang terdapat dalam pendaftaran sebelumnya yang mempunyai kepentingan mengenai kapal layar itu sebagai pemunya atau pemegang gadai janji hendaklah dicatatkan dalam pendaftaran yang baru, dan pendaftaran semula itu tidaklah dengan apa-apa cara menjejaskan hak mana-mana orang sedemikian.

Pendaftaran perubahan

12A. (1) Jika sesuatu kapal layar Langkawi diubah sebegitu rupa sehingga tidak bersamaan dengan butir yang berhubungan dengan tanan atau perihalan kapal layar itu sebagaimana yang terkandung dalam Daftar Kapal Layar, Ketua Pengarah hendaklah, apabila sesuatu permohonan dibuat kepadanya oleh pemunya kapal layar itu dan apabila menerima suatu perakuan daripada seorang juruukur yang menyatakan butir mengenai perubahan itu, sama ada menyebabkan perubahan itu didaftarkan atau mengarahkan supaya kapal layar itu didaftarkan semula.

(2) Bagi maksud pendaftaran suatu perubahan dalam sesuatu kapal layar, perakuan pendaftaran hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, dan sama ada perakuan itu boleh disimpan oleh Ketua Pengarah dan suatu perakuan baru dikeluarkan yang mengandungi perihalan mengenai kapal layar itu sebagaimana yang diubah, atau suatu pengendorsan boleh dibuat dan ditandatangani pada perakuan pendaftaran yang sedia ada yang mengandungi suatu notasi mengenai perubahan itu.

(3) Butir mengenai perubahan sepertimana yang telah dibuat, dan hakikat bahawa suatu perakuan pendaftaran baru telah dikeluarkan, atau suatu pengendorsan telah dibuat pada perakuan pendaftaran yang sedia ada, hendaklah dicatatkan dalam Daftar Kapal Layar.

Perakuan pendaftaran baru

13. (1) Jika terdapat apa-apa perubahan dalam butir-butir berdaftar yang direkodkan dalam Daftar Kapal Layar berkaitan dengan sesuatu kapal layar Langkawi, pemunya kapal layar itu atau apa-apa perkara lain yang berkaitan, nakhoda atau pemunya kapal layar itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan perakuan pendaftaran yang sedia ada bagi kapal layar itu kepada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah membatalkan perakuan pendaftaran yang sedia ada dan, apabila dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baru bagi kapal layar itu.

Perakuan pendaftaran pendua

14. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati apabila dikemukakan bukti bahawa perakuan pendaftaran bagi sesuatu kapal layar Langkawi telah hilang, dicuri atau dimusnahkan atau telah menjadi cacat atau tidak dapat dibaca, dia boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemunya kapal layar itu suatu salinan pendua perakuan pendaftaran yang asal bagi kapal layar itu, yang hendaklah ditandai sebagai yang sedemikian dan hendaklah mempunyai kuat kuasa yang sama seperti perakuan pendaftaran yang asal.

(2) Jika perakuan pendaftaran pendua telah dikeluarkan, perakuan pendaftaran yang asal, jika ada pada masa itu atau jika kemudiannya dapat dijumpai atau didapatkan kembali, hendaklah dengan serta-merta diserahkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Dalam hal keadaan sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Ketua Pengarah, dia boleh mengeluarkan suatu faksimile atau versi penghantaran elektronik yang lain perakuan pendaftaran pendua itu, yang tidak lagi sah sebaik sahaja perakuan pendaftaran pendua itu sendiri diterima oleh pemunya.

Larangan pendaftaran

15. (1) Menteri boleh, melalui suatu perakuan yang dikeluarkan kepada Ketua Pengarah, melarang pendaftaran sesuatu kapal layar di bawah Bahagian ini jika dia berpuas hati bahawa pendaftaran sedemikian akan atau mungkin memudaratkan kepentingan negara.

(2) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu tanpa bukti tandatangan Menteri dalam perakuan sedemikian.

Keengganan untuk mendaftarkan kapal layar

16. (1) Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan sesuatu kapal layar jika dia berpuas hati bahawa—

(a) tidaklah sesuai bagi kapal layar itu didaftarkan dengan mengambil kira—

(i) keperluan yang berkaitan dalam Akta ini yang berhubungan dengan—

(A) keadaan kapal layar itu atau kelengkapannya, setakat yang berkaitan dengan keselamatan kapal layar itu atau apa-apa risiko pencemaran; dan

(B) keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang diambil kerja atau terlibat di atas kapal layar itu;

(ii) kepentingan Malaysia atau pelayaran kapal layar antarabangsa; atau

(iii) nama yang dicadangkan bagi kapal layar itu;

(b) syarat yang ditetapkan berkenaan dengan sesuatu permohonan untuk pendaftaran kapal layar itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 9 tidak dipatuhi;

(c) kapal layar itu mungkin digunakan untuk tujuan jenayah;

(d) rekod mutu pengurusan dan pengendalian pemunya, termasuk berhubung dengan perkara yang disebut dalam perenggan (c), atau subperenggan (a)(i), tidak memuaskan; atau

(e) pendaftaran itu dilarang di bawah seksyen 15.

(2) Jika Ketua Pengarah enggan mendaftarkan sesuatu kapal layar di bawah seksyen ini, dia hendaklah menyampaikan suatu notis kepada pemohon yang menyatakan bahawa pendaftaran kapal layar itu ditolak dan alasan bagi penolakan sedemikian.

Penamatan pendaftaran kapal layar

17. (1) Ketua Pengarah boleh menamatkan pendaftaran sesuatu kapal layar Langkawi—

(a) jika dia menentukan bahawa dengan mengambil kira perkara yang disebut dalam perenggan 16(1)(c) atau (d), atau subperenggan 16(1)(a)(i), tidaklah membawa faedah kepada kepentingan Pejabat Pendaftaran atau pelayaran kapal layar antarabangsa untuk kapal layar itu terus didaftarkan;

(b) jika apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Akta ini masih belum dibayar bagi tempoh yang melebihi satu tahun;

(c) jika kapal layar itu tidak lagi berhak untuk didaftarkan di bawah Akta ini;

(d) atas permohonan oleh pemunya kapal layar Langkawi itu yang menyatakan bahawa dia berniat untuk menamatkan pendaftaran kapal layar itu;

(e) apabila kapal layar itu binasa sama sekali atau selainnya musnah;

(f) jika kapal layar itu, selain kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong masih berdaftar di sesuatu tempat di luar Malaysia pada masa pendaftaran; atau

(g) jika kapal layar itu kemudiannya didaftarkan di sesuatu tempat di luar Malaysia.

(2) Sekiranya sesuatu kapal layar Langkawi berada dalam keadaan yang dirujuk dalam perenggan (1)(e), tiap-tiap pemunya kapal

layar itu atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah, dengan serta-merta apabila mendapat maklumat tentang kejadian itu, memberitahu Ketua Pengarah dan suatu catatan berkenaan dengan perkara itu hendaklah dibuat dalam Daftar Kapal Layar.

(3) Jika Ketua Pengarah berniat untuk menamatkan pendaftaran kapal layar itu menurut perenggan (1)(a), (b), (c), (e), (f) atau (g), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu notis kepada pemunya kapal layar itu yang menyatakan bahawa pendaftaran kapal layar itu akan ditamatkan dan alasan bagi penamatan sedemikian.

(4) Sebelum menamatkan pendaftaran kapal layar itu, Ketua Pengarah hendaklah memberi pemunya kapal layar itu suatu peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu mengapa pendaftaran itu tidak patut ditamatkan.

(5) Jika—

(a) pendaftaran kapal layar itu ditamatkan di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (f) atau (g)—

(i) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu semua pemegang gadai janji yang didaftarkan mengenai penutupan pendaftaran bagi kapal layar itu, dan kepentingan pemegang gadai janji itu berkenaan dengan kapal layar itu hendaklah terus terdaftar, kecuali bahawa jika dibuktikan bahawa pemegang gadai janji itu tahu mengenai kemungkinan kapal layar itu digunakan bagi tujuan jenayah, Ketua Pengarah hendaklah memotong pendaftaran kepentingan pemegang gadai janji itu mengenai kapal layar itu; dan

(ii) Ketua Pengarah boleh, atas permintaan pemunya kapal layar itu, mengeluarkan suatu perakuan pemotongan dalam borang yang ditetapkan yang mengesahkan bahawa kapal layar itu telah dipotong daripada Daftar Kapal Layar, dan menyatakan kedudukan mana-mana gadai janji yang didaftarkan berkenaan dengan kapal layar itu; atau

(b) pendaftaran ditamatkan di bawah perenggan (1)(d) atau (e), Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu transkrip penutupan kepada pemunya kapal layar itu.

(6) Apabila menerima perakuan pemotongan atau transkrip penutupan yang dirujuk dalam subseksyen (5), pemunya kapal layar itu hendaklah—

- (a) dengan serta-merta menyerahkan perakuan pendaftaran bagi kapal layar itu kembali kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan; dan
- (b) menanggalkan daripada kapal layar itu ukiran dan tanda yang dikehendaki di bawah Bahagian ini dan menghantar pengesahan bertulis mengenai penanggalan itu kepada Ketua Pengarah.

PENGGAL 3

KEHENDAK AWAL BAGI PENDAFTARAN KAPAL LAYAR

Pemeriksaan dan penyukatatan tanan kapal layar

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada kapal layar boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan jika—

- (a) kapal layar itu telah diukur dan disukat, atau tanan kapal layar itu telah ditentukan oleh seorang juruukur dan suatu perakuan tanan telah dikeluarkan mengikut peraturan-peraturan; dan
- (b) perakuan tanan berkenaan dengan kapal layar itu telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

(2) Jika sesuatu kapal layar hendak didaftarkan di bawah Akta ini telah disukat dan tanan bagi kapal layar itu telah dipastikan dalam pendaftaran yang sebelumnya, Ketua Pengarah boleh, tanpa memerlukan kapal layar itu disukat semula, menganggap bahawa kapal layar itu mempunyai tanan yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh pejabat pendaftaran yang sebelumnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika menurut subseksyen (2) kapal layar itu dianggap sebagai mempunyai tanan yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh pejabat pendaftaran yang sebelumnya, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tanan berkenaan dengan kapal layar itu.

(4) Jika tanan mana-mana kapal layar telah dipastikan dan didaftarkan mengikut peraturan-peraturan, tanan itu hendaklah disifatkan sebagai tanan bagi kapal layar itu dan hendaklah diulangi dalam tiap-tiap pendaftaran yang berikutnya bagi kapal layar itu, kecuali bahawa tanan bagi kapal layar itu boleh disukat semula dan didaftarkan semula mengikut peraturan-peraturan itu, jika—

(a) apa-apa perubahan telah dibuat kepada bentuk atau muatan kapal layar itu; atau

(b) didapati bahawa tanan kapal layar itu telah silap disukat.

Nama kapal layar

19. (1) Apabila membuat permohonan untuk pendaftaran sesuatu kapal layar, pemohon hendaklah mencadangkan nama yang dengannya kapal layar itu akan dikenali.

(2) Kehendak yang mengawal selia nama kapal layar yang akan didaftarkan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Seseorang tidak boleh memerihalkan sesuatu kapal layar Langkawi dengan apa-apa nama selain nama yang dengannya kapal layar itu pada masa itu didaftarkan.

(4) Pemunya sesuatu kapal layar Langkawi tidak boleh mengubah nama kapal layar itu, atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa perubahan sedemikian, tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah terlebih dahulu.

(5) Ketua Pengarah hendaklah, jika ditunjukkan sehingga dia berpuas hati bahawa nama sesuatu kapal layar Langkawi telah diubah tanpa kebenarannya, mengarahkan supaya digunakan semula nama bagi kapal layar itu pada masa ia didaftarkan sebelum pertukaran itu, dan berdasarkan arahan sedemikian, tetapi tertakluk kepada peraturan-peraturan mengenai pengukuran dan penandaan kapal layar, pemunya kapal layar itu hendaklah menyebabkan nama itu diukir dan ditandakan pada badan kapal layar itu.

(6) Ketua Pengarah boleh, jika ada pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak atau arahan yang diberikan di bawah seksyen ini berkenaan dengan kapal layar itu, menahan kapal layar itu sehingga pelanggaran itu berhenti, atau kehendak atau arahan itu dipatuhi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pengukiran dan penandaan kapal layar

20. (1) Tiap-tiap kapal layar hendaklah, sebelum kapal layar itu didaftarkan, diukir dan ditandai secara kekal dan mudah dilihat sehingga Ketua Pengarah berpuas hati mengikut kehendak yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, mendaftarkan sesuatu kapal layar sebelum ia diukir dan ditandai.

(3) Menteri boleh mengecualikan mana-mana kelas kapal layar atau suatu kapal layar tertentu daripada semua atau mana-mana kehendak seksyen ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang dia boleh kenakan.

(4) Ketua Pengarah boleh, apabila menerima perakuan daripada juruukur yang menyatakan bahawa sesuatu kapal layar tidak diukir dan ditandai dengan cukup atau tepat, menahan kapal layar itu sehingga ketidakcukupan atau ketidaktepatan itu telah diperbaiki.

PENGGAL 4**PENDAFTARAN ENTITI KAPAL LAYAR****Permohonan untuk pendaftaran**

21. (1) Permohonan untuk pendaftaran sesuatu entiti kapal layar hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan entiti kapal layar itu dan hendaklah mencatatkan dalam Daftar Entiti Kapal Layar butir-butir yang ditetapkan.

Perakuan pendaftaran

22. Apabila sesuatu entiti kapal layar didaftarkan, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan.

Keengganan untuk mendaftarkan entiti kapal layar

23. Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan sesuatu entiti kapal layar jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) syarat-syarat yang ditetapkan berkenaan dengan sesuatu permohonan untuk pendaftaran entiti kapal layar itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 21 tidak dipatuhi; atau
- (b) ada kemungkinan entiti kapal layar itu terlibat dalam kegiatan jenayah.

Penamatan pendaftaran entiti kapal layar

24. (1) Ketua Pengarah boleh menamatkan pendaftaran sesuatu entiti kapal layar jika dia menentukan bahawa, dengan mengambil kira perkara yang disebut dalam seksyen 23, tidaklah membawa faedah kepada kepentingan Pejabat Pendaftaran untuk entiti kapal layar itu terus didaftarkan.

(2) Jika Ketua Pengarah berniat untuk menamatkan pendaftaran entiti kapal layar itu, dia hendaklah menyampaikan suatu notis kepada entiti kapal layar itu yang menyatakan bahawa pendaftaran entiti kapal layar itu akan ditamatkan dan alasan bagi penamatan sedemikian.

(3) Sebelum menamatkan pendaftaran entiti kapal layar itu, Ketua Pengarah hendaklah memberi entiti kapal layar itu suatu peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu mengapa pendaftaran itu tidak patut ditamatkan.

PENGGAL 5

PENDAFTARAN KAPAL LAYAR YANG DICARTER SEBAGAI KAPAL KOSONG

Pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong

25. (1) Suatu kapal layar berhak untuk didaftarkan di bawah seksyen ini jika—

- (a) kapal layar itu didaftarkan di bawah undang-undang sesuatu negara selain Malaysia, iaitu negara tempat pendaftaran utama;

- (b) kapal layar itu dicarterkan atas terma carter kapal kosong kepada seorang yang layak mempunyai kapal layar di bawah Akta ini;
- (c) kapal layar itu dikendalikan di bawah suatu carter kapal kosong yang mematuhi kehendak yang ditetapkan; dan
- (d) berkenaan dengan kapal layar itu, pejabat pendaftaran utama telah memberikan kebenaran kepada pencarter kapal kosong untuk mendaftarkan kapal layar itu dalam pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain.

(2) Permohonan untuk pendaftaran sesuatu kapal layar di bawah seksyen ini hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan, dan hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(4) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan kapal layar itu dan hendaklah mencatatkan dalam Daftar Kapal Layar butir-butir yang ditetapkan.

(5) Apabila kapal layar itu didaftarkan, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran carter kapal kosong dalam borang yang ditetapkan.

(6) Pendaftaran kapal layar itu di bawah seksyen ini hendaklah, melainkan jika ditamatkan di bawah seksyen 27, terus berkuat kuasa sehingga akhir tempoh carter kapal kosong itu dan hendaklah kemudian itu tamat.

(7) Jika suatu kapal layar didaftarkan di bawah seksyen ini atau jika pendaftaran kapal layar itu ditamatkan menurut seksyen 27, butir-butir berkenaan dengan kapal layar sedemikian hendaklah dimaklumkan kepada pihak berkuasa di negara tempat pendaftaran utama.

(8) Sesuatu kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong yang didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah bagi maksud Akta ini dianggap sebagai suatu kapal layar Langkawi dan kehendak mengenai suatu kapal layar Langkawi di bawah Akta ini hendaklah terpakai kepada kapal layar sedemikian sehingga takat kehendak itu berkaitan.

(9) Jika suatu kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong didaftarkan di bawah seksyen ini, hak ataupun kepentingan ketuanpunyaan pemunya berkenaan dengan kapal layar itu, atau hak dan obligasi mana-mana pihak kepada suatu kontrak, bil jualan, gadai janji, caj atau surat cara lain yang mewujudkan atau melupuskan suatu kepentingan undang-undang atau ekuiti dalam kapal layar itu, sama ada wujud pada tarikh pendaftaran kapal layar itu di bawah seksyen ini atau yang diwujudkan selepas tarikh itu, tidak akan terjejas oleh pendaftaran sedemikian atau tertakluk kepada Akta ini.

Keengganan untuk mendaftarkan kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong

26. (1) Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan sesuatu kapal layar di bawah seksyen 25 jika—

(a) ternyata bahawa—

- (i) pemunya kapal layar itu tidak memberikan keizinan bagi pendaftaran kapal layar itu di bawah Akta ini; atau
- (ii) seorang pemegang gadai janji bagi kapal layar itu tidak memberikan keizinan bagi pendaftaran kapal layar itu di bawah Akta ini;

(b) tanan kapal layar itu tidak dapat ditentukan mengikut Akta ini atau peraturan-peraturan;

(c) kapal layar itu tidak dapat diukir dan ditandai mengikut Akta ini;

(d) kapal layar itu akan dihalang oleh mana-mana undang-undang yang lain yang kepadanya kapal layar itu tertakluk daripada mengibarkan panji-panji kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 41; atau

(e) carter kapal kosong itu mempunyai tempoh belum tamat yang kurang daripada satu tahun pada tarikh permohonan untuk mendaftarkan kapal layar itu dibuat.

(2) Seksyen 16 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, juga terpakai berkenaan dengan kapal layar yang berhak untuk didaftarkan di bawah seksyen 25 seolah-olah kapal layar itu berhak untuk didaftarkan di bawah seksyen 8 dan 9.

Penamatan pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong

27. (1) Ketua Pengarah hendaklah, jika dia berpuas hati, menamatkan pendaftaran sesuatu kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong —

- (a) jika kapal layar itu tidak lagi dikendalikan di bawah carter kapal kosong, sama ada oleh sebab penamatan carter kapal kosong itu atau selainnya;
- (b) jika pemindahan hak dan obligasi pencarter kapal kosong itu olehnya di bawah carter kapal kosong menyebabkan pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong itu terhenti;
- (c) jika pejabat pendaftaran utama berkenaan dengan kapal layar itu telah ditutup atau diungkai; atau
- (d) jika kebenaran yang dirujuk dalam perenggan 25(1)(d) dibatalkan atau ditarik balik.

(2) Seksyen 17 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, juga terpakai berkenaan dengan kapal layar yang berhak untuk didaftarkan di bawah seksyen 25 seolah-olah kapal layar itu berhak untuk didaftarkan di bawah seksyen 8 dan 9.

(3) Jika Ketua Pengarah berniat untuk menamatkan pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong, dia hendaklah menyampaikan suatu notis kepada pencarter kapal kosong itu yang menyatakan bahawa pendaftaran kapal layar itu akan ditamatkan dan alasan bagi penamatan sedemikian.

(4) Sebelum menamatkan pendaftaran kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong itu, Ketua Pengarah hendaklah memberi pencarter kapal kosong itu suatu peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu mengapa pendaftaran itu tidak patut ditamatkan.

Pindah hakmilik, perpindahan dan gadai janji tidak terpakai

28. Peruntukan Penggal 6 Bahagian ini yang berhubungan dengan pindah hakmilik, perpindahan dan gadai janji tidak terpakai bagi kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong yang didaftarkan di bawah seksyen 25.

Kebenaran untuk mendaftarkan kapal layar di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain

29. (1) Ketua Pengarah boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan, memberikan kebenaran kepada pemunya sesuatu kapal layar Langkawi untuk mendaftarkan kapal layar itu di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain.

(2) Pemunya sesuatu kapal layar Langkawi yang berniat untuk mendaftarkan kapal layar itu di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah secara bertulis dan memberikan apa-apa butir sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Kecuali bagi pendaftaran pemunyaan dan gadai janji, jika ada, yang akan tetap tidak terjejas dalam Pejabat Pendaftaran, pendaftaran kapal layar Langkawi itu di bawah Akta ini hendaklah digantung sementara kapal layar itu berdaftar di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain.

(4) Pemunya kapal layar Langkawi yang didaftarkan di pejabat pendaftaran carter kapal kosong suatu bidang kuasa yang lain hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kembali perakuan pendaftaran bagi kapal layar itu yang dikeluarkan di bawah Akta ini apabila pendaftaran carter kapal kosong itu selesai.

(5) Ketua Pengarah boleh membatalkan kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) jika kapal layar itu tidak lagi didaftarkan di pejabat pendaftaran carter kapal kosong tempat kapal layar itu didaftarkan;
- (b) jika carter kapal kosong itu tamat, sama ada apabila carter kapal kosong itu habis tempoh atau selainnya;
- (c) apabila permohonan dibuat oleh pemunya kapal layar itu atau pemegang gadai janji yang didaftarkan bagi kapal layar itu untuk membatalkan kebenaran yang diberikan menurut subseksyen (1); atau
- (d) atas permintaan pihak berkuasa bidang kuasa yang lain tempat kapal layar itu didaftarkan sebagai kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong.

PENGAL 6

KEPENTINGAN KETUANPUNYAAN MENGENAI KAPAL
LAYAR

BAB 1

*Am***Hak pemunya dan pemegang gadai janji**

30. (1) Tertakluk kepada apa-apa hak dan kuasa yang terdapat dalam Daftar Kapal Layar yang terletak hak pada mana-mana orang lain, pemunya sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah mempunyai kuasa untuk melupuskan dengan mutlak kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu, dengan syarat bahawa pelupusan itu dibuat mengikut Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidaklah menyiratkan bahawa apa-apa kepentingan yang timbul di bawah sesuatu kontrak atau kepentingan ekuiti yang lain tidak boleh wujud berhubung dengan sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu, dan kepentingan sedemikian boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap pemunya atau pemegang gadai janji itu berkenaan dengan kepentingannya mengenai kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu mengikut cara yang sama sebagaimana yang berkenaan dengan harta alih.

(3) Pemunya sesuatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan resit yang berkesan bagi apa-apa wang yang telah dibayar atau yang telah didahulukan sebagai balasan bagi apa-apa pelupusan kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

BAB 2

*Pindah Hakmilik dan Perpindahan***Pindah hakmilik kapal layar atau bahagian**

31. (1) Apa-apa pindah hakmilik sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah dilaksanakan melalui suatu bil jualan yang mematuhi kehendak yang ditetapkan.

(2) Jika suatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu telah dipindahkan hakmiliknya mengikut subseksyen(1), penerima pindah hakmilik itu tidak boleh didaftarkan sebagai pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu melainkan jika—

- (a) dia telah membuat permohonan yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah; dan
- (b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu terus dipunyai sehingga takat yang ditetapkan oleh seorang yang layak untuk mempunyai suatu kapal layar atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu di bawah Akta ini, dan bahawa tidak wujud alasan lain yang berdasarkannya pendaftaran kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu boleh ditolak di bawah Akta ini.

(3) Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen (2) diluluskan oleh Ketua Pengarah, dia hendaklah mendaftarkan penerima pindah hakmilik itu sebagai pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

(4) Bil jualan berkenaan dengan sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar Kapal Layar mengikut susunan bil jualan itu dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

Perpindahan kapal layar atau bahagian

32. (1) Jika suatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu berpindah kepada mana-mana orang melalui apa-apa cara yang sah selain melalui pindah hakmilik di bawah seksyen 31, orang itu tidak boleh didaftarkan sebagai pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu melainkan jika—

- (a) dia telah membuat permohonan yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah; dan
- (b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu terus dipunyai sehingga takat yang ditetapkan oleh seorang yang layak untuk mempunyai suatu kapal layar atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu di bawah Akta ini, dan bahawa tidak wujud alasan lain yang berdasarkannya pendaftaran kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu boleh ditolak di bawah Akta ini.

(2) Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) diluluskan oleh Ketua Pengarah, dia hendaklah menyebabkan supaya nama pemohon itu didaftarkan sebagai pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

Pindah hakmilik menurut penjualan oleh Mahkamah

33. (1) Jika Mahkamah memerintahkan penjualan sesuatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu, perintah Mahkamah itu hendaklah mengandungi suatu perisytiharan yang meletakkan pada seseorang yang dinamakan hak untuk memindahkan hakmilik kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

(2) Orang yang dinamakan sedemikian berhak untuk memindahkan hakmilik kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu mengikut cara yang sama dan sehingga takat yang sama seolah-olah dia merupakan pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menguruskan apa-apa permohonan yang berhubungan dengan pemindahan hakmilik kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu yang dibuat oleh orang yang dinamakan seolah-olah orang itu merupakan pemunya bagi kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

Kuasa Mahkamah

33A. Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut tanpa menjejaskan penjalanan apa-apa kuasa lain Mahkamah, atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, membuat suatu perintah yang melarang bagi suatu masa yang dinyatakan, apa-apa urusan dengan suatu kapal layar Langkawi atau apa-apa bahagian mengenai kapal layar itu, dan Mahkamah boleh membuat perintah itu atas apa-apa terma atau syarat yang difikirkannya adil, boleh enggan untuk membuat perintah itu atau boleh membatalkan perintah itu apabila dibuat, dengan atau tanpa kos, dan pada amnya boleh bertindak dalam kes itu sebagaimana yang dikehendaki mengikut keadilan kes itu, dan Ketua Pengarah, tanpa menjadi suatu pihak kepada prosiding itu, hendaklah, apabila perintah itu atau suatu salinan rasmi perintah itu disampaikan kepadanya, mematuhi perintah itu.

BAB 3

Gadai Janji

Gadai janji kapal layar atau bahagian

34. (1) Sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu boleh dijadikan cagaran bagi pembayaran balik pinjaman atau pelepasan daripada apa-apa obligasi yang lain.

(2) Surat cara yang mewujudkan apa-apa cagaran sedemikian yang dirujuk “gadai janji” dalam Bab ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Jika suatu gadai janji yang disempurnakan mengikut subseksyen (2) dikemukakan kepada Ketua Pengarah, dia hendaklah mendaftarkan gadai janji itu mengikut cara yang ditetapkan.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), “kapal layar Langkawi” termasuklah sesuatu kapal layar yang sedang dibina.

Keutamaan gadai janji yang didaftarkan

35. (1) Jika dua gadai janji atau lebih didaftarkan berkenaan dengan kapal layar Langkawi yang sama atau bahagian yang sama mengenai kapal layar itu, keutamaan antara pemegang gadai janji itu hendaklah ditentukan mengikut susunan gadai janji itu didaftarkan.

(2) Sesuatu gadai janji berkenaan dengan suatu kapal layar yang sedang dibina hendaklah, bagi maksud menentukan keutamaan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang yang lain, dan dalam semua perkara yang lain, dianggap sebagai suatu gadai janji yang didaftarkan bagi suatu kapal layar Langkawi dan hendaklah terus dianggap sedemikian sehingga gadai janji itu dilepaskan, walaupun kapal layar yang sedang dibina itu terhenti didaftarkan di bawah Akta ini; dan suatu kapal layar yang sedang dibina hendaklah, bagi maksud suatu gadai janji berkenaan dengan kapal layar yang sedang dibina itu di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang yang lain, dianggap sebagai harta maritim.

Kuasa menjual pemegang gadai janji yang didaftarkan

36. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap pemegang gadai janji yang didaftarkan bagi sesuatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu hendaklah, sekiranya wang

gadai janji atau mana-mana bahagian daripada wang itu kena dibayar, mempunyai kuasa untuk menjual kapal layar Langkawi itu atau bahagian mengenai kapal layar itu dan untuk memberikan resit yang berkesan bagi wang belian itu.

(2) Jika dua pemegang gadai janji atau lebih didaftarkan berkenaan dengan kapal layar Langkawi yang sama atau bahagian yang sama mengenai kapal layar itu, seseorang pemegang gadai janji yang kemudian tidak boleh, kecuali di bawah suatu perintah Mahkamah, menjual kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu tanpa persetujuan tiap-tiap pemegang gadai janji yang sebelumnya.

Gadai janji tidak terjejas oleh kebangkrapan

36A. Sesuatu gadai janji yang didaftarkan bagi suatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu tidak terjejas oleh apa-apa tindakan kebangkrapan yang dilakukan oleh penggadai janji selepas tarikh pendaftaran gadai janji itu, walaupun penggadai janji pada permulaan kebangkrapannya mempunyai kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu dalam pemilikan, perintah atau pelupusannya, atau penggadai janji itu ialah pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu yang diketahui, dan gadai janji itu hendaklah mendapat keutamaan berbanding dengan apa-apa hak, tuntutan atau kepentingan dalam kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu mana-mana pemiutang lain bankrap itu atau mana-mana pemegang amanah atau pemegang serah hak bagi pihak pemiutang itu.

Pindah hakmilik gadai janji yang didaftarkan

37. (1) Sesuatu gadai janji yang didaftarkan berkenaan dengan suatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu boleh dipindahkan hakmiliknya melalui suatu surat cara yang dibuat dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Jika surat cara sedemikian dikemukakan kepada Ketua Pengarah, dia hendaklah mendaftarkan penerima pindah hakmilik itu mengikut cara yang ditetapkan.

Perlindungan bagi penggadai janji yang didaftarkan

38. Jika sesuatu kapal layar Langkawi atau sesuatu bahagian mengenai kapal layar itu tertakluk kepada suatu gadai janji yang didaftarkan—

(a) kecuali setakat yang perlu untuk menjadikan kapal layar

itu atau bahagian mengenai kapal layar itu tersedia sebagai cagaran bagi hutang gadai janji itu, pemegang gadai janji itu tidak boleh oleh sebab gadai janji itu dianggap sebagai pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu; dan

- (b) penggadai janji itu hendaklah dianggap tidak berhenti menjadi pemunya kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

Perpindahan gadai janji melalui kuat kuasa undang-undang

39. Jika kepentingan seseorang pemegang gadai janji mengenai gadai janji yang didaftarkan berkenaan dengan suatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu berpindah kepada mana-mana orang melalui apa-apa cara yang sah selain melalui pindah hakmilik di bawah seksyen 37, Ketua Pengarah hendaklah apabila dikemukakan keterangan yang ditetapkan menyebabkan nama orang itu dicatatkan dalam Daftar Kapal Layar sebagai pemegang gadai janji kapal layar itu atau bahagian mengenai kapal layar itu.

Pelepasan gadai janji yang didaftarkan

40. Jika sesuatu gadai janji yang didaftarkan berkenaan dengan suatu kapal layar Langkawi atau suatu bahagian mengenai kapal layar itu telah dilepaskan, Ketua Pengarah hendaklah, apabila dikemukakan surat ikatan gadai janji dan apa-apa keterangan mengenai pelepasan gadai janji sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan suatu catatan dibuat dalam Daftar Kapal Layar yang bermaksud bahawa gadai janji itu telah dilepaskan.

PENGGAL 7

KENEGARAAN KAPAL LAYAR

Kenegaraan dan panji-panji bagi kapal layar Langkawi

41. (1) Kapal layar Langkawi hendaklah mempunyai kenegaraan Malaysia.

(2) Kapal layar Langkawi hendaklah mengibarkan panji-panji kebangsaan yang hendaklah merupakan tunggul merah, dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Kapal layar Langkawi membawa panji-panji yang tidak sepatutnya

42. Jika apa-apa panji-panji kebangsaan yang tersendiri, selain tunggul merah, dinaikkan di atas mana-mana kapal layar Langkawi, Ketua Pengarah boleh menahan kapal layar itu sehingga panji-panji kebangsaan yang sepatutnya sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 41 dinaikkan di atas kapal layar itu.

BAHAGIAN IV**ANAK KAPAL BAGI KAPAL LAYAR****PENGGAL 1****LATIHAN, PENSIJILAN DAN KELAYAKAN NAKHODA DAN ANAK KAPAL DAN KEANGGOTAAN KAPAL LAYAR****Tafsiran**

43. Dalam Bahagian ini, “melakukan pelayaran” termasuk melakukan pelayaran dari mana-mana negara di luar Malaysia.

Latihan, pensijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal

44. Latihan, pensijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

Keanggotaan jika kapal layar melakukan pelayaran atau selainnya tidak dalam pelayaran

45. (1) Sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah dianggotai mengikut dokumen keanggotaan selamat bagi kapal layar itu yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan dengan syarat yang ditetapkan.

(2) Jika sesuatu kapal layar Langkawi tidak dalam pelayaran dan tidak dalam tempat berlabuh yang selamat yang mana kapal layar itu boleh ditinggalkan tanpa jagaan, bilangan anak kapal yang mencukupi hendaklah berada di atas kapal layar itu pada bila-bila masa untuk berbalas dengan secukupnya dalam apa-apa keadaan seperti kebakaran, ketenggelaman atau kecemasan yang lain yang boleh menjejaskan keselamatan kapal layar itu dan kakitangannya, dan alam sekitar.

(3) Jika—

- (a) sesuatu kapal layar Langkawi melakukan atau cuba untuk melakukan pelayaran dengan melanggar subseksyen (1); atau
- (b) sesuatu kapal layar Langkawi tidak mempunyai bilangan anak kapal yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2),

kapal layar itu, jika berada di Malaysia, boleh ditahan oleh Ketua Pengarah sehingga pelanggaran itu terhenti.

Orang yang mempunyai sijil hendaklah diambil kerja sebagai nakhoda dan anak kapal pengawasan

46. Pemunya sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah mengambil kerja hanya nakhoda dan anak kapal pengawasan yang mempunyai sijil di atas kapal layar itu.

PENGGAL 2

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN,
PENGAMBILAN KERJA DAN PELEPASAN**

Pemakaian Akta in bagi pengambilan kerja nakhoda atau anak kapal

46A. Peruntukan Akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan pengambilan kerja seorang nakhoda atau anak kapal suatu kapal layar Langkawi.

Perjanjian anak kapal

47. (1) Suatu perjanjian secara bertulis hendaklah dibuat antara setiap orang yang diambil kerja sebagai anak kapal di atas sesuatu kapal layar Langkawi dengan orang yang mengambilnya bekerja, dan hendaklah ditandatangani oleh anak kapal itu dan oleh atau bagi pihak mereka, kedua-duanya.

(2) Perjanjian yang dibuat di bawah seksyen ini dengan beberapa orang yang diambil kerja di atas sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah terkandung dalam satu dokumen, yang dalam Bahagian ini dirujuk “perjanjian anak kapal”, tetapi jika diluluskan sedemikian oleh Ketua Pengarah—

- (a) perjanjian yang hendaklah dibuat di bawah seksyen ini dengan orang yang diambil kerja di atas sesuatu kapal layar Langkawi boleh terkandung dalam lebih daripada satu perjanjian anak kapal; dan
- (b) satu perjanjian anak kapal boleh berkaitan dengan lebih daripada satu kapal layar Langkawi.

(3) Bentuk dan kandungan perjanjian anak kapal hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, dan perjanjian anak kapal yang berlainan dengan bentuk dan kandungan yang berlainan boleh diluluskan sedemikian untuk hal keadaan yang berlainan.

(4) Nakhoda atau pemunya kapal layar itu hendaklah memastikan bahawa perjanjian anak kapal dibawa mengikut apa-apa cara yang ditetapkan di atas kapal layar Langkawi yang dengannya perjanjian itu berkaitan apabila kapal layar itu melakukan pelayaran.

(5) Sesuatu kontrak perseorangan berkenaan dengan pengambilan kerja seorang anak kapal suatu kapal layar Langkawi hendaklah batal dan tidak sah sehingga takat kontrak perseorangan itu berlawanan atau tidak selaras dengan terma suatu perjanjian anak kapal yang dibuat menurut seksyen ini.

(6) Ketua Pengarah boleh memberikan pengecualian berkenaan dengan kapal layar Langkawi dan anak kapal yang tertentu daripada kehendak seksyen ini jika dia menentukan bahawa anak kapal yang akan diambil kerja selainnya di bawah suatu perjanjian anak kapal akan diberikan perlindungan yang secukupnya.

(7) Jika sesuatu pengecualian diberikan di bawah subseksyen (6), suatu salinan dokumen sebagai keterangan bagi pengecualian itu hendaklah dibawa di atas kapal layar Langkawi itu.

Obligasi pemunya berkenaan dengan kelayakan belayar kapal layar

48. (1) Dalam tiap-tiap kontrak pekerjaan antara pemunya sesuatu kapal layar Langkawi dengan nakhoda, atau seseorang anak kapal yang diambil kerja di atas kapal layar Langkawi itu, hendaklah tersirat, walau apa pun mana-mana perjanjian yang bertentangan,

obligasi pada pemunya bahawa dia, nakhoda dan tiap-tiap ejen yang bertanggungjawab untuk memuatkan kapal layar itu, atau menyediakan atau menghantar kapal layar itu melakukan pelayaran, hendaklah menggunakan segala cara yang munasabah—

- (a) untuk memastikan kelayakan belayar kapal layar itu pada masa kapal layar itu melakukan pelayaran; dan
- (b) mengekalkan kapal layar itu dalam keadaan layak belayar semasa pelayaran itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menjadikan pemunya kapal layar itu tertakluk kepada apa-apa liabiliti oleh sebab kapal layar itu telah dihantar melakukan pelayaran dalam keadaan tidak layak belayar, jika, kerana hal keadaan yang istimewa, penghantaran kapal layar itu bagi melakukan pelayaran itu dalam keadaan sedemikian adalah munasabah dan wajar.

Pelepasan anak kapal

49. (1) Pelepasan seorang anak kapal daripada sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah mematuhi tatacara yang ditetapkan, yang termasuk tatacara yang perlu diikuti berkenaan dengan anak kapal yang ditinggalkan di sesuatu pelabuhan atau tempat selainnya melalui pelepasan daripada kapal layar itu.

(2) Jika sesuatu kapal layar Langkawi terhenti didaftarkan di Langkawi di bawah Akta ini, mana-mana anak kapal yang diambil kerja di atas kapal layar itu hendaklah disifatkan telah dilepaskan daripada kapal layar itu sama ada atau tidak dia sebenarnya telah dilepaskan, melainkan dia memberikan keizinan secara bertulis untuk terus bekerja di atas kapal layar itu, yang dalam hal itu, seksyen 49A dan 49B hendaklah terpakai berhubung dengan upahnya seolah-olah kapal layar itu tetap sebagai suatu kapal layar Langkawi.

Pembayaran upah anak kapal

49A. (1) Jika seorang anak kapal sesuatu kapal layar Langkawi yang diambil kerja di bawah suatu perjanjian anak kapal dilepaskan, upah yang genap masa untuk dibayar kepadanya di bawah perjanjian itu hendaklah dibayar kepadanya dengan penuh pada masa dia dilepaskan.

(2) Jika apa-apa jumlah yang kena dibayar kepada seorang anak kapal tidak dibayar mengikut subseksyen (1), anak kapal itu

berhak atas upah itu pada kadar yang terakhirnya kena dibayar di bawah perjanjian anak kapal bagi tiap-tiap hari yang upah itu tetap tidak dibayar bagi tempoh lima puluh enam hari berikutan masa pelepasan itu; dan jika apa-apa jumlah yang kena dibayar menurut kuasa subseksyen ini tetap tidak dibayar selepas tamat tempoh itu, jumlah itu akan membawa bunga pada kadar dua puluh peratus setahun.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai jika kegagalan untuk membayar upah disebabkan oleh—

- (a) suatu pertikaian yang munasabah berkenaan dengan liabiliti;
- (b) perbuatan atau keingkaran anak kapal; atau
- (c) apa-apa sebab yang lain, yang bukan perbuatan salah atau keingkaran orang yang bertanggungjawab untuk membayar upah anak kapal itu atau pekhidmat atau ejennya.

Akaun upah

49B. (1) Nakhoda tiap-tiap kapal layar Langkawi hendaklah menyerahkan kepada tiap-tiap anak kapal yang diambil kerja di atas kapal layar itu di bawah suatu perjanjian anak kapal suatu akaun upah yang genap masa untuk dibayar kepadanya di bawah perjanjian anak kapal itu dan potongan yang tertakluk kepadanya upah itu kena dibayar.

(2) Akaun itu hendaklah diserahkan tidak lewat dari dua puluh empat jam sebelum masa pelepasan anak kapal itu atau, jika dia dilepaskan tanpa notis atau dengan notis yang kurang dari dua puluh empat jam, pada masa dia dilepaskan.

Perlindungan hak dan remedi tertentu

50. (1) Lien anak kapal, remedinya untuk mendapatkan upahnya, haknya untuk mendapat upah dalam hal kapal layar Langkawi itu yang di atasnya dia bekerja, karam atau hilang, dan apa-apa hak yang mungkin ada padanya atau boleh didapati olehnya dalam bentuk salvaj tidak boleh ditolak dengan apa-apa perjanjian.

(2) Subseksyen (1) tidak menyentuh terma apa-apa perjanjian yang dibuat dengan nakhoda atau anak kapal yang di atas suatu kapal layar Langkawi yang diambil kerja untuk perkhidmatan salvaj,

jika terma perjanjian itu membuat peruntukan bagi saraan yang hendaklah dibayar kepada nakhoda atau anak kapal itu untuk perkhidmatan salvaj yang diberikan oleh kapal layar itu.

Remedi nakhoda untuk saraan, pembayaran dan tanggungan

51. Nakhoda sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah mempunyai lien yang sama, untuk saraannya dan semua pembayaran atau tanggungan yang dibuat atau ditanggung olehnya dengan sepatutnya oleh sebab kapal layar itu, seperti lien yang dipunyai oleh seseorang anak kapal bagi upahnya.

Sekatan penyerahhakan dan gadaian ke atas upah

51A. Berkenaan dengan upah yang genap masa atau terakru kepada seorang nakhoda atau anak kapal yang diambil kerja di atas suatu kapal layar Langkawi—

- (a) upah itu tidak boleh tertakluk kepada penahanan;
- (b) suatu penyerahhakan upah sebelum ia terakru tidak terikat kepada nakhoda atau anak kapal itu, dan pembayaran upah kepada nakhoda atau anak kapal itu hendaklah sah walaupun apa-apa penyerahhakan atau gadaian yang terdahulu; dan
- (c) suatu surat kuasa wakil atau kuasa bagi penerimaan upah itu tidak boleh menjadi tidak batal.

PENGGAL 3

DOKUMEN DAN PENYATA

Buku log rasmi

52. (1) Nakhoda tiap-tiap kapal layar Langkawi hendaklah menyenggarakan suatu buku log rasmi yang dalamnya hendaklah direkodkan semua rekod kapal layar itu sebagaimana yang ditetapkan, dan buku log rasmi itu hendaklah dibawa di atas kapal layar itu.

(2) Nakhoda kapal layar Langkawi itu hendaklah menyebabkan supaya buku log rasmi itu diserahkan kepada Ketua Pengarah apabila perjanjian anak kapal itu habis tempoh.

Dokumen pengenalan anak kapal

53. (1) Tiap-tiap anak kapal yang diambil kerja di atas sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah memiliki suatu dokumen pengenalan anak kapal yang sah yang dikeluarkan mengikut peraturan-peraturan.

(1A) Sesuatu permohonan untuk dokumen pengenalan anak kapal hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan, dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 54, “anak kapal” termasuk nakhoda kapal layar Langkawi.

Buku pelepasan

54. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada seorang anak kapal yang diambil kerja atau telah bekerja di atas suatu kapal layar Langkawi sesuatu buku pelepasan yang mengandungi butir yang ditetapkan, termasuk butir berkenaan dengan pemegang buku pelepasan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh menghendaki anak kapal untuk memohon bagi suatu buku pelepasan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan semula atau menarik balik sesuatu buku pelepasan.

Senarai anak kapal

55. (1) Nakhoda sesuatu kapal layar Langkawi hendaklah memastikan bahawa butir-butir mengenai tiap-tiap anak kapal yang diambil kerja di atas kapal layar itu dicatatkan dalam senarai anak kapal sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Senarai anak kapal itu hendaklah dikemaskinikan jika perubahan dibuat yang berhubungan dengan pengambilan kerja anak kapal.

(3) Senarai anak kapal itu hendaklah disimpan di atas kapal layar Langkawi itu dan hendaklah tersedia untuk pemeriksaan pada bila-bila masa, dan pemunya kapal layar itu hendaklah mengemukakan senarai anak kapal itu kepada pegawai diberi kuasa mengikut cara yang ditetapkan.

Penyerahan dokumen apabila nakhoda bertukar

56. Jika seseorang tidak lagi menjadi nakhoda suatu kapal layar Langkawi, dia hendaklah menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan kepada penggantinya dokumen yang berhubungan dengan kapal layar itu dan anak kapal bagi kapal layar itu yang ada dalam jagaannya.

PENGAL 4

BANTUAN DAN PENGHANTARAN BALIK

Bantuan dan perkembalian anak kapal yang ditinggalkan atau terlibat dalam kekaraman kapal

57. (1) Jika mana-mana orang yang diambil kerja sebagai seorang anak kapal di atas suatu kapal layar Langkawi ditinggalkan di mana-mana negara di luar Malaysia atau dibawa ke negara sedemikian apabila terlibat dalam kekaraman kapal, pemunya kapal layar itu hendaklah membuat peruntukan untuk perkembaliannya dan bagi bantuan dan sara hidupnya sehingga perkembaliannya, dan apa-apa peruntukan yang lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perintah pembawaan kepada nakhoda kapal layar Langkawi itu supaya orang itu dibawa ke suatu tempat yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan.

(3) Seksyen ini terpakai bagi seseorang yang ditinggalkan apabila dilepaskan menurut seksyen 49, sama ada atau tidak pada masa dia ditinggalkan kapal layar itu masih didaftarkan di bawah Akta ini.

(4) Jika seseorang yang ditinggalkan atau dibawa ke mana-mana negara memilih untuk tinggal di negara itu selepas tamat tempoh tiga bulan, pemunya kapal layar itu tidak bertanggungjawab untuk membuat peruntukan bagi perkembaliannya atau bagi apa-apa perkara yang berbangkit selepas tamat tempoh itu.

BAHAGIAN V

PEMINDAHAN FUNGSI

Kuasa untuk memberikan lesen untuk membuat peruntukan bagi pemindahan fungsi

58. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan lesen atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang untuk melaksanakan, di bawah suatu rancangan penswastaaan, mana-mana daripada fungsi Ketua Pengarah berhubung dengan pentadbiran dan pengendalian Pejabat Pendaftaran.

(2) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri suatu rancangan penswastaaan untuk kelulusannya.

(3) Tiada rancangan penswastaaan boleh dilaksanakan sehingga rancangan itu telah diluluskan oleh Menteri.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan perkara yang berikut:

- (a) fungsi yang hendaklah dilaksanakan oleh pemegang lesen;
- (b) pematuhan oleh pemegang lesen tentang piawaian pelaksanaan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (c) jangka masa lesen itu;
- (d) fi tahunan yang kena dibayar oleh pemegang lesen;
- (e) kewajipan tertentu pemegang lesen berkenaan dengan fungsi yang dilaksanakan olehnya; dan
- (f) apa-apa perkara atau syarat yang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud subseksyen (1).

(6) Khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (5), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan —

- (a) untuk menetapkan caj, fi atau levi yang hendaklah dibayar kepada pemegang lesen berkenaan dengan fungsi yang dilaksanakan oleh pemegang lesen itu;

- (b) untuk menetapkan kelayakan orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen dan untuk mengawal selia kekompetenan orang itu;
- (c) untuk menetapkan jenis rekod yang hendaklah disimpan oleh pemegang lesen;
- (d) untuk menetapkan jenis penyata yang hendaklah dikemukakan oleh pemegang lesen kepada Ketua Pengarah pada lat-lat tempoh tertentu; dan
- (e) untuk mengawal selia pemeriksaan oleh Ketua Pengarah premis pemegang lesen dan rekod yang disimpan di premis itu.

(7) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberi kuasa kepada pemegang lesen untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi yang ditetapkan di bawah subseksyen (5) dan (6) berkenaan dengan fungsi yang dilaksanakan oleh pemegang lesen itu.

(8) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (7) hendaklah menyatakan—

- (a) jenis fungsi yang berkenaan dengannya caj, fi atau levi boleh dituntut, dipungut dan disimpan;
- (b) hak pemegang lesen untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi itu; dan
- (c) jangka masa bagi hak untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi itu.

(9) Pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen (7) hendaklah—

- (a) menyenggarakan apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pemungutan caj, fi atau levi sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah;
- (b) mengemukakan kepada Ketua Pengarah apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan pembayaran dan pemungutan caj, fi atau levi sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) membenarkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa mendapatkan akses kepada, atau meneliti atau memeriksa apa-apa dokumen, mesin atau kelengkapan yang diselenggarakan atau digunakan bagi pembayaran atau pemungutan caj, fi atau levi.

(10) Berikutan dengan lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1), pemegang lesen hendaklah membuat kepada Kerajaan apa-apa pembayaran sebagaimana yang dipersetujui antara kedua-dua pihak itu.

(11) Pemegang lesen di bawah subseksyen (7) tidak boleh menjadikan Kerajaan bertanggung kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kegagalan pemegang lesen itu untuk melaksanakan obligasinya di bawah Akta ini yang berkenaan dengannya caj, fi atau levi dituntut, dipungut dan disimpan.

(12) Jika tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah, pemegang lesen melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat lesen atau mana-mana peruntukan seksyen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini dan gagal untuk meremеди pelanggaran atau kegagalan sedemikian dalam tempoh masa yang dinyatakan, Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen yang diberikan kepada pemegang lesen itu menurut subseksyen (1).

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN

Kuasa untuk menyiasat

59. Penyiasatan mengenai pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta ini boleh, tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan penyiasatan, dijalankan oleh pegawai diberi kuasa.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Peraturan-peraturan

60. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh—

- (a) mengadakan peruntukan mengenai cara, dan masa, bagi permohonan yang berkaitan dengan pendaftaran kapal layar, termasuk kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong dan entiti kapal layar, hendaklah dibuat, dan maklumat dan dokumen yang hendaklah diberikan berhubung dengan permohonan sedemikian;
- (b) mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi pendaftaran kapal layar, termasuk kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong dan entiti kapal layar, dan syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi berkenaan dengan pendaftaran itu;
- (c) mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi keengganan untuk mendaftarkan, atau penamatan atau pembatalan pendaftaran, kapal layar, termasuk kapal layar yang dicarter sebagai kapal kosong dan entiti kapal layar;
- (d) mengadakan peruntukan mengenai penyimpanan Daftar, catatan yang hendaklah dibuat dalam Daftar itu dan pemeriksaan Daftar itu;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai pengeluaran perakuan pendaftaran dan perakuan lain di bawah Akta ini, pengemukaan dan penyerahan kembali perakuan itu dan perkara yang perlu direkodkan atau diendorskan pada perakuan itu;
- (f) mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi tatacara mengenai nama bagi kapal layar yang hendak didaftarkan, penempahan nama bagi kapal layar dan perubahan nama bagi kapal layar;
- (g) mengadakan peruntukan mengenai penomboran, dan pengukiran dan penandaan kapal layar yang didaftarkan atau yang hendak didaftarkan;
- (h) mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan, penyukatan dan pengukuran kapal layar bagi tujuan menentukan tanan kapal layar itu, dan pengeluaran perakuan tanan, termasuk pembatalan dan penyerahan perakuan itu;
- (i) mengadakan peruntukan bagi perkara mengenai pindah hakmilik, perpindahan dan gadai janji kapal layar Langkawi atau apa-apa bahagian mengenai kapal layar itu, termasuk bentuk surat cara yang terlibat dalam urusan itu;

- (j) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (k) menetapkan dan mengadakan peruntukan bagi fi yang kena dibayar berkaitan dengan penyediaan apa-apa perkhidmatan oleh Ketua Pengarah atau apa-apa perkara lain di bawah Akta ini, termasuk dius tanah tahunan, cara untuk memungut dan membayar fi sedemikian dan bagi perkara yang berhubungan dengan kegagalan untuk membayar fi sedemikian;
- (l) mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan kapal layar Langkawi yang dikendalikan di bawah carter kapal kosong;
- (m) mengawal selia dan mengadakan peruntukan mengenai tatacara berkenaan dengan kapal layar Langkawi yang hendak didaftarkan di pejabat pendaftaran carter kapal kosong dalam bidang kuasa yang lain;
- (n) mengadakan peruntukan bagi keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di atas kapal layar Langkawi, dan untuk melindungi kesihatan orang sedemikian;
- (o) mengadakan peruntukan untuk memberikan kuat kuasa kepada peruntukan yang berkaitan dalam mana-mana konvensyen antarabangsa dan surat cara triti yang lain yang mana Malaysia adalah suatu pihak, setakat mana konvensyen atau surat cara triti itu berhubung dengan keselamatan maritim, sekuriti maritim dan perlindungan alam sekitar marin mengenai kapal layar;
- (p) mengadakan peruntukan bagi pembangunan kod yang mengawal selia perkara berkenaan dengan keselamatan maritim, sekuriti maritim, perlindungan alam sekitar marin dan apa-apa perkara teknikal dan berhubung dengan anak kapal lain yang berkaitan dengan kapal layar Langkawi;
- (q) mengadakan peruntukan mengenai tatacara berkenaan dengan pengambilan kerja dan pelepasan, dan syarat perkhidmatan bagi nakhoda dan anak kapal;
- (r) mengadakan peruntukan bagi penyimpanan, penyenggaraan dan penyerahan dokumen berhubung dengan nakhoda dan anak kapal;
- (s) mengadakan peruntukan bagi latihan, pensijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal, termasuk piawaian kekompetenan yang hendaklah dicapai, dan keanggotaan kapal layar Langkawi;

- (t) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini yang dikehendaki supaya atau dibenarkan untuk ditetapkan.

Perubahan fi

60A. Menteri boleh, apabila ternyata padanya perlu atau suai manfaat, membuat apa-apa perubahan kepada fi yang ditetapkan sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Pengubahsuaian borang

60B. Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa pengubahsuaian kepada borang yang ditetapkan sebagaimana yang difikirkannya perlu dan patut.

Kehendak bagi perlindungan insurans

61. Tiap-tiap kapal layar Langkawi hendaklah membawa perlindungan insurans terhadap risiko kerugian dan kerosakan kepada pihak ketiga, khususnya tanggungan pemunya terhadap anak kapal, dan berkenaan dengan pemindahan kapal layar itu sekiranya kapal layar itu ditinggalkan atau menjadi bangkai.

Pemfailan elektronik dokumen

61A. (1) Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan bagi pemfailan atau penyerahsimpanan elektronik mana-mana dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

(2) Seseorang yang bercadang untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi seorang pelanggan kepada perkhidmatan itu dengan membayar fi yang ditetapkan dan mematuhi apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Hanya seseorang pelanggan kepada perkhidmatan yang disediakan di bawah subseksyen (1) boleh memfail dan menyerahkan simpan dokumen secara elektronik dengan Ketua Pengarah.

(4) Ketua Pengarah boleh menentukan dokumen yang boleh difailkan atau diserahkan simpan secara elektronik.

(5) Suatu dokumen yang difailkan atau diserahkan simpan secara elektronik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah mematuhi kehendak bagi pengemukaan dokumen sedemikian jika dokumen itu disampaikan atau dihantar kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Suatu dokumen yang dikehendaki supaya disetem, ditandatangani atau dimeterai hendaklah, jika dokumen itu dikehendaki supaya difailkan atau diserahkan simpan secara elektronik, diperakui atau disahkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(7) Suatu salinan atau cabutan daripada mana-mana dokumen yang difail atau diserahkan simpan secara elektronik dengan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) yang dibekalkan atau dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan diperakui di bawah tandatangan Ketua Pengarah sebagai salinan yang benar atau cabutan daripada dokumen sedemikian hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding sebagai mempunyai kesahan yang sama dengan dokumen asal.

(8) Jika sesuatu dokumen difailkan atau diserahkan simpan secara elektronik dengan Ketua Pengarah, Ketua Pengarah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang oleh sebab apa-apa jua jenis kesilapan atau peninggalan atau yang bagaimana jua pun berbangkit yang terdapat dalam apa-apa dokumen yang diperolehi oleh mana-mana orang di bawah perkhidmatan yang dirujuk dalam subseksyen (1), jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian kewajipan Ketua Pengarah atau yang berlaku atau berbangkit akibat daripada apa-apa kecacatan atau kerosakan dalam perkhidmatan atau pada kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan itu.

Perbelanjaan untuk penghantaran dokumen

61B. Jika berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, transaksi atau perkara Ketua Pengarah berpendapat bahawa perbelanjaan telah ditanggung untuk menghantarkan maklumat atau dokumen lain ke tempat di dalam Malaysia atau di luar Malaysia melalui pos, telegram,

faksimile atau cara seumpama yang lain, maka hendaklah kena dibayar sebagai tambahan kepada fi yang ditetapkan, perbelanjaan yang ditanggung berkenaan dengan perkhidmatan, transaksi atau perkara itu.

Pelanggaran

62. (1) Jika mana-mana pemunya sesuatu kapal layar Langkawi, nakhoda atau entiti kapal layar melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, Ketua Pengarah boleh, kecuali jika diperuntukkan selainnya, membatalkan pendaftaran kapal layar atau entiti kapal layar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apabila pendaftaran dibatalkan di bawah subseksyen (1), pemunya kapal layar atau entiti kapal layar itu hendaklah menyerahkan kepada Ketua Pengarah masing-masing perakuan pendaftaran bagi kapal layar atau entiti kapal layar itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 630****AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR
ANTARABANGSA LANGKAWI 2002****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1249	Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005	18-01-2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 630

AKTA PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2002

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1249	18-01-2006
6	Akta A1249	
8	Akta A1249	18-01-2006
9A	Akta A1249	18-01-2006
10-12	Akta A1249	18-01-2006
12A	Akta A1249	18-01-2006
13-14	Akta A1249	18-01-2006
17-20	Akta A1249	18-01-2006
25-29	Akta A1249	18-01-2006
33-33A	Akta A1249	18-01-2006
34-35	Akta A1249	18-01-2006
36A	Akta A1249	18-01-2006
38	Akta A1249	18-01-2006
45-46	Akta A1249	18-01-2006
Division 2 (Shoulder note)	Akta A1249	18-01-2006
46A	Akta A1249	18-01-2006
47	Akta A1249	18-01-2006
49	Akta A1249	18-01-2006
49A-49B	Akta A1249	18-01-2006
50	Akta A1249	18-01-2006
51A	Akta A1249	18-01-2006
53-54	Akta A1249	18-01-2006
58	Akta A1249	18-01-2006
60	Akta A1249	18-01-2006
60A-60B	Akta A1249	18-01-2006
61A-61B	Akta A1249	18-01-2006
